

## TERKINI

- 03:04pm Tak jadi bunuh diri sebab sungai kotor
- 02:57pm Ibu anak kapal sentiasa buat solat hajat
- 02:51pm Menteri tak tolak mungkin kerja 'orang dalam'
- 02:41pm Jumlah penerima BR1M menurun 200,000
- 02:37pm Naik kadar tol: Jangan lupa manifesto, kata MP BN

## 5 PALING HANGAT

- 1 Kita tidak mahu Raja Melayu dihentam, kata Nazri
- 2 Satelit dijangka jatuh, mungkin di Malaysia
- 3 Tun M: Terserahlah apa mereka nak kata
- 4 650 anggota tentera bertempur
- 5 Menteri tiada hak hina institusi diraja



## Mogok akan hanya merugikan kakitangan MAS

15 Jun 2015

## Cari Kereta Termurah

Cari, banding harga kereta dan dapatkan tawaran terbaik!



Pejabat Malaysia Airlines (MAS) Subang. - Foto Bernama

&lt; 1 / 1 &gt;

KUALA LUMPUR - Ancaman untuk melancarkan mogok oleh kesatuan kakitangan Malaysia Airlines (MAS) akan hanya merugikan mereka sendiri di samping mungkin menyebabkan syarikat penerbangan itu menghadapi tindak balas merugikan daripada pengguna, kata seorang ahli akademik hari ini.

Selepas dua tragedi MH370 dan MH17 yang menghakiskan keyakinan penumpang dan menimbulkan isu keselamatan, sikap enggan berkompromi ini nampaknya akan merosakkan imej negara dan jenama syarikat penerbangan itu, kata Dr Ahmad Zaharuddin Sani Sabri dari Universiti Utara Malaysia (UUM).

Menurutnya, adalah sangat tidak adil pelan perjalanan orang ramai diganggu oleh tindakan mementingkan diri oleh sebilangan kecil pekerja.

Dr Ahmad yang juga Timbalan Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad UUM berkata, ancaman yang dikeluarkan minggu lepas oleh Kesatuan Kebangsaan Anak-Anak Kapal Kabin Penerbangan Malaysia (Nufam) untuk melancarkan mogok melainkan syarikat penerbangan itu membatalkan tindakan memberhentikan 6,000 pekerja, adalah 'tidak bertanggungjawab' berikutan realiti yang MAS berada dalam keadaan secara 'teknikalnya bankrap'.

Beliau berkata, selepas melalui tiga penstrukturan semula yang gagal, segenap usaha perlu dibuat bagi memastikan kejayaan rombakan yang sedang dilakukan kerana kegagalan bukan lagi satu pilihan.

"Kelangsungan hidup MAS kini penting. Jika terdapat mana-mana kesatuan sekerja memikirkan untuk mengadakan mogok, mereka perlu menyoal diri mereka siapa yang akan mendapat faedah daripada tindakan seperti itu," katanya kepada Bernama.

[ARTIKEL BERKAITAN: [Menteri tak cukup peka isu pekerja MAS, kata Nufam](#)]

Dr Ahmad berkata, mogok akan hanya menjejaskan pelan pemulihan syarikat



## VIRAL MINGGU INI

Ayam dijangkit penyakit misteri

Atlet renang Filipina diberi markah kosong

Pembaca luar negara terus hentam pelancong bogel

Wanita berkain batik di JPJ jadi viral

## 5 PILIHAN EDITOR



'Dalil dah kesuntukan masa' untuk jalani pembedah



Pengurusan puasa pesakit diabetes




Mahu beli komputer dengan hadiah PR1M



Janggal bukan Islam bina masjid





**Tol: Rakyat Jangan Panik**  
 Ahli Parlimen Lenggong, Datuk Shamsul Anuar Nasarah berkata, rakyat tidak perlu panik dengan berita

**Tol: Jangan Tambah Beban Rakyat**  
 Ahli Parlimen Kubang Pasu, Datuk Johari Baharom berkata, adalah tidak wajar sekiranya kerajaan menaikkan

**Esszone Jamin Keselamatan Sabah**  
 Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, Zon Selamat Timur Sabah (Esszone) yang dikawal rapi pihak

**Tweets** Follow

**SinarOnline** @SinarOnline 2m

Kemalangan Km 16.9 utara dari Jitra ke Bukit Kayu Hitam. Lorong kiri terhalang & trafik perlahan. Pandu cermat... <fb.me/7kQrDZSDJ>

**SinarOnline** @SinarOnline 7m

DAP sudah tidak sabar putus hubungan dengan Pas #SHPolitik #SHOnline <bit.ly/1R2nNXV>

"Sebagaimana... <fb.me/7gbp9U6sf>

Expand

**SinarOnline** @SinarOnline 10m

Menteri tak tolak mungkin kerja 'orang dalam' #SHSemasa #SHOnline <fb.me/7oDXJFwJ>

Expand

COVER HARI INI

penerbangan itu dan meletakkan pekerjaan 14,000 kakitangan yang dikekalkan, dalam keadaan sangat bahaya.

Beliau berkata, RM6 bilion yang disuntik Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) yang memiliki MAS, bagi menyelamatkan syarikat penerbangan negara itu juga bermakna menawarkan talian hayat kepada 14,000 pekerjaan yang masih wujud.

Menurutnya, tanpa suntikan dana yang begitu besar, syarikat penerbangan itu sudah pasti diisytihar bankrap.

Jika MAS dipaksa mengambil semula 6,000 pekerja sebagaimana dituntut oleh kesatuan, syarikat penerbangan itu mungkin terpaksa berhenti beroperasi, tambahnya.

"Kenapa kita mesti membenarkan golongan minoriti menguasai majoriti? Kenapa kita tidak memikirkan kepentingan negara berbanding kepentingan individu.

"Ini tidak bermakna kita tidak berasa simpati kepada nasib 6,000 pekerja yang diberhentikan, tetapi jika kita mahu menyelamatkan MAS, mereka perlu mencari pekerjaan lain," katanya.

Setakat ini, selain Pusat Pembangunan Korporat yang ditubuhkan Khazanah bagi membantu memberi latihan semula dan penempatan kerja, AirAsia dan Malindo juga telah menawarkan pekerjaan kepada kakitangan MAS yang diberhentikan itu.

Dr Ahmad berkata, Khazanah juga telah melaksanakan terma pampasan yang adil serta setimpal kepada kakitangan terbabit.

Berdasarkan Perjanjian Bersama itu, MAS akan membayar kadar asas sebulan gaji untuk setiap tahun perkhidmatan kepada mereka yang berkhidmat kurang daripada 10 tahun dan 1.5 bulan gaji untuk setiap tahun perkhidmatan kepada mereka yang berkhidmat lebih 10 tahun.

Menurutnya, Japan Airlines (JAL) pernah diisytihar bankrap yang antara puncanya ialah bantahan kesatuan kepada langkah mengurangkan kos selain daripada pengaturan berbeza dengan kesatuan berbeza untuk jenis pekerjaan yang berbeza, sesuatu yang luar biasa dalam industri penerbangan, dan jaminan bayaran 65 jam penerbangan kepada juruterbang walaupun mereka sering terbang kurang daripada itu.

Dan apabila JAL mufis, semua kakitangannya hilang pekerjaan, katanya, dengan menambah sesetengah kelompok dalam NUFAM yang mengancam mengadakan mogok itu berkelakuan seperti kesatuan JAL.

"Kita jangan lupa yang Khazanah membelanjakan RM1.5 bilion wang pembayar cukai untuk memberi pampasan kepada pekerja terlibat serta mereka yang ditawarkan menyertai MAS baharu.

Dr Ahmad menegaskan akan pentingnya Malaysian Airlines Bhd (MAB) sebagai syarikat baharu yang menguruskan MAS mulai 1 September, bebas daripada sebarang bentuk kesatuan yang merosakkan di samping campur tangan politik kerana penstrukturan semula yang dilakukan sekarang untuk memulihkan syarikat penerbangan itu adalah 'langkah terakhir' MAS. - Bernama

Tweet 4

**ARTIKEL BERKAITAN**

- Mogok akan hanya merugikan kakitangan MAS
- Isu MAS: Menteri tak cukup peka
- Menteri tak cukup peka isu pekerja MAS, kata Nufam
- Kerajaan pastikan operasi MAS berjalan lancar
- Juruterbang MAS tak perlu bimbang
- MAS tidak terjejas dengan pemberhentian pekerja
- Semua perlu sokong rombakan MAS
- Maseu mahu kerajaan bantu pekerja MAS
- Nufam: Tindakan MAS tidak adil
- CEO baharu MAS: 'Pemulihan semula yang sukar'



Ahli Parlimen sokong TH tidak jual tanah TRX

OpenSnap: Malaysia Dining Bookmark Your Favorite Dishes, Receive Personalized Pick, Try Now!

**TRAVEL FAR FOR LESS!**

Japan, China, Australia & more!

Return Flight + 4N Stay + Tax

**RM 899**

Exclusive Deals!

Book from Now - 21 Jun 2015

Travel from Now - 30 Sep 2015

Book Now

AirAsiaGo.com

KERJAYA @ KARANGKRAF

RENCANA Pengurusan puasa